

Berita Harian Julai 2020

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	Khamis 2 Julai 2020	SPRM gagal lucut hak RM4.6 juta milik Mediaedge	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	4
2.	Jumaat 10 Julai 2020	Kerajaan gagal lucut hak RM3 juta milik AGA Touch	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	6
3.	Selasa 14 Julai 2020	LKAN: Isu ketidakcekapan jejas hasil optimum	Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2018 Siri 3	8
4.	Selasa 14 Julai 2020	Kali Pertama Laporan Ketua Audit Negara Diterbitkan Tiga Siri	Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2018 Siri 3	9
5.	Selasa 14 Julai 2020	Laporan Audit 2018 Siri 3: 12 pengauditan, 63 syor dikemukakan	Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2018 Siri 3	10
6.	Selasa 14 Julai 2020	Laporan Audit 2018: Hukuman terhadap kecuaiyan pegawai terlalu lembut, ringan	Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2018 Siri 3	13
7.	Selasa 14 Julai 2020	Empat syor utama Laporan Ketua Audit	Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2018 Siri 3	15
8.	Selasa 14 Julai 2020	LKAN: Dua projek naik taraf bekalan air FELDA lewat siap	Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2018 Siri 3	16
9.	Selasa 14 Julai 2020	Laporan Ketua Audit 2018: Bahan kering di asrama lepas tarikh luput lebih setahun	Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2018 Siri 3	18
10.	Rabu 15 Julai 2020	SPRM pantau syarikat terjejas COVID-19 mungkin beri rasuah dapatkan projek	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	20
11.	Khamis 16 Julai 2020	Projek bernilai RM97b berpotensi masuk ke Malaysia	Menteri Kanan (Ekonomi), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali	22
12.	Khamis 16 Julai 2020	Dana AS\$340 juta PetroSaudi berkait 1MDB dibekukan	Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)	24
13.	Khamis 16 Julai 2020	Peguam dakwa ada plot seleweng duit 1MDB tanpa pengetahuan Najib	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	26

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
14.	Isnin 17 Julai 2020	Siasatan ePerolehan: 9 direman termasuk 5 penjawat awam	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	28
15.	Isnin 17 Julai 2020	Bekas pegawai kebudayaan dituduh terima suapan RM149,600	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	30
16.	Isnin 20 Julai 2020	Amaran KP Perkhidmatan Awam	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman	32
17.	Khamis 23 Julai 2020	1MDB: Najib mesti buktikan tuduhan menindas	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	35
18.	Jumaat 24 Julai 2020	SPRM gagal lucut hak wang RM100,000 Kasitah Gaddam	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	38
19.	Jumaat 24 Julai 2020	Dua lagi ditahan kes tipu tuntutan pampasan PERKESO	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	40
20.	Jumaat 24 Julai 2020	Kerajaan komited teruskan usaha dapatkan semula aset 1MDB - Muhyiddin	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	41
21.	Jumaat 24 Julai 2020	1MDB: Goldman Sachs setuju bayar AS\$3.9 bilion	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	42
22.	Ahad 26 Julai 2020	Guan Eng selesai beri keterangan lebih 8 jam di SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	44
23.	Isnin 27 Julai 2020	Dana SRC RM27j: Bicara kes Najib bermula 5 Julai 2021	SRC International Sdn Bhd (SRC)	45
24.	Selasa 28 Julai 2020	LANGSUNG: Keputusan kes SRC Najib Razak	SRC International Sdn Bhd (SRC)	47
25.	Selasa 28 Julai 2020	Penentuan nasib Najib Razak pagi ini	SRC International Sdn Bhd (SRC)	48
26.	Rabu 29 Julai 2020	Baca penghakiman lebih dua jam	SRC International Sdn Bhd (SRC)	50

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
27.	Khamis 30 Julai 2020	Perbualan Sri Ram dan Apandi tidak mengaitkan Tommy - Pendakwa Raya	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	53
28.	Jumaat 31 Julai 2020	1MDB: Bekas pegawai Bank Swiss didapati bersalah	1Malaysia Development Bhd (1MDB)	55



1. SPRM gagal lucut hak RM4.6 juta milik Mediaedge

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) gagal dalam permohonannya melucut hak wang RM4,631,602 yang siti daripada akaun Mediaedge Cia Malaysia Sdn Bhd yang didakwa berkaitan dengan skandal penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi, Datuk Ahmad Shahrir Mohd Salleh, menolak permohonan itu selepas mendapati SPRM gagal membuktikan bahawa wang itu ialah hasil daripada aktiviti haram.

"Dalam keadaan ini, SPRM gagal menyangkal satu nyataan khusus yang dibuat Mediaedge. Oleh yang demikian, saya mendapati SPRM telah gagal membuktikan atas imbalan kebarangkalian, bahawa wang sejumlah RM4,631,602 dalam akaun HSBC Mediaedge itu ialah hasil daripada aktiviti haram," katanya.

Ahmad Shahrir berhujah, permohonan pelucut hak harta bukan satu mekanisme untuk mendesak pihak yang telah menerima wang yang dipertikaikan untuk memulangkan atau membayar kembali wang yang tidak lagi berada dalam milikan atau akaun mereka akibat telah dibelanjakan.

"Wang yang boleh dilucut mengikut Seksyen 56 Akta 613 (Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001) mestilah wang yang telah terdahulunya disita atas sebab ia seperti dalam kes ini merupakan hasil aktiviti haram.

"Sekiranya wang yang disita itu pada hakikatnya bukanlah merupakan hasil aktiviti haram, undang-undang tidak membenarkan ia dilucut hak.

"Saya mendapati, berdasarkan imbalan kebarangkalian, bahawa permohonan (SPRM) telah gagal membuktikan syarat-syarat di bawah Seksyen 56 (2)(a)(iii) dan syarat penghubung di bawah Seksyen 56(2)(b) Akta 613. Oleh yang demikian, saya menolak permohonan SPRM," tegasnya.

Ahmad Shahrir berkata, Mediaedge ialah satu entiti perniagaan sah yang menjalankan perniagaan sebagai penyedia perkhidmatan perhubungan media yang bersesuaian bentuk perniagaan yang dijalankannya.

"Saya dapati, Mediaedge telah menyediakan perkhidmatan media dalam perjalanan biasa perniagaannya dan amaun sejumlah RM4,631,602 itu dibayar untuk perkhidmatan yang disediakan di bawah perjanjian itu.

"Mediaedge menggunakan wang yang diterima ini untuk membuat bayaran kepada pemilik-pemilik media tersebut bagi slot media dan masa yang dibeli oleh ORB (ORB Solutions Sdn Bhd pengendali media sosial) di bawah perjanjian perkhidmatan media itu," katanya.


Beliau berkata apabila akaun Mediaedge dibekukan pada 29 Jun 2018, iaitu lebih lima tahun kemudiannya, baki akaun Mediaedge mempunyai amaun sejumlah RM9,583,292.39, bagaimanapun amaun ini merupakan bayaran daripada pihak lain dan bukan daripada bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Perkara ini dinyatakan secara khusus dalam afidavit Mediaedge, malangnya SPRM dalam afidavitnya hanya menyatakan ia tidak mempunyai pengetahuan mengenainya tanpa membuat sebarang sangkalan yang khusus," katanya.

"Mediaedge tergolong dalam kategori pembelian suci hati dengan balasan bernilai bagi amaun RM4,631,602 tersebut. Dalam keadaan ini, SPRM telah gagal, atas imbalan kebarangkalian untuk membuktikan syarat di bawah Seksyen 56(2)(b) Akta 613," kata Ahmad Shahrir.

Selepas hakim membaca keputusan, Timbalan Pendakwa Raya daripada SPRM, Nik Haslinie Hashim, berkata pihaknya akan memfailkan permohonan penangguhan pelepasan wang sitaan kepada pihak responden dan pihak mahkamah mengambil maklum perkara itu.

Mediaedge diwakili peguam Gopal Sreenevasan dan Michelle Chew Kim Lian.



2. Kerajaan gagal lucut hak RM3 juta milik AGA Touch

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi hari ini menolak permohonan Kerajaan Malaysia untuk melucut hak wang berjumlah RM3 juta disita Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) daripada syarikat Teknologi Maklumat (IT) AGA Touch (M) Sdn Bhd dua tahun lalu.

Wang itu didakwa diterima daripada bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang dikatakan ada hubung kait dengan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Muhammad Jamil Hussin, menolak permohonan pendakwa raya selepas mendapati ia gagal membuktikan harta terbabit adalah hasil daripada aktiviti haram.

Dalam penghakimannya, Muhammad Jamil berkata, AGA Touch tidak pernah menafikan ia menerima wang RM3 juta itu daripada Najib pada 2014.

Hakim berkata, syarikat berkenaan selaku responden bagaimanapun menyatakan wang itu adalah untuk bayaran bagi perkhidmatannya kepada UMNO.

Katanya, mahkamah mendapati wang terbabit sudah habis dibelanjakan manakala baki dalam akaun responden adalah daripada sumber lain.

"Sehubungan itu, mahkamah menolak permohonan untuk melucut hak harta ini," katanya.

Susulan keputusan itu, peguam Datuk Hariharan Tara Singh mewakili AGA Touch memohon perintah mahkamah supaya wang itu dilepaskan kepada anak guamnya serta-merta.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Farah Yasmin Salleh, memaklumkan kepada mahkamah pendakwaan akan merayu keputusan itu dan memohon penangguhan sementara terhadap keputusan berkenaan.

Farah Yasmin berkata, jika wang dalam akaun itu dilepaskan serta-merta, rayuan di Mahkamah Rayuan akan menjadi akademik.

Hariharan bagaimanapun menegaskan, pendakwaan sepatutnya memfailkan permohonan rasmi supaya kedua-dua belah pihak boleh berhujah sama ada penangguhan itu adalah wajar.

Katanya, tiada bukti di mahkamah mencadangkan permohonan pihaknya supaya wang dalam akaun itu dilepaskan boleh menjaskan rayuan berkenaan.

Hakim memutuskan untuk tidak membenarkan permohonan pendakwaan supaya wang itu tidak dilepaskan pada peringkat ini, sebaliknya berkata, pendakwaan sepatutnya memfailkan permohonan rasmi.

Hariharan ketika ditemui pemberita selepas prosiding, berkata pihaknya akan menulis permohonan kepada Public Bank untuk melepaskan wang dalam akaun anak guamnya yang dibekukan lebih dua tahun.

Peguam itu berkata, disebabkan permohonan melucut hak ditolak mahkamah, perintah mahkamah mengatasi perintah pembekuan oleh SPRM.

3. LKAN: Isu ketidakcekapan jejas hasil optimum

PUTRAJAYA: Jabatan Audit Negara mendapati secara keseluruhan pelaksanaan program oleh Kerajaan Persekutuan mengikut objektif ditetapkan.

Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid, mendapati masih ada isu ketidakcekapan dan ketidakakururan serta kelemahan dalam pengurusan program, aktiviti dan projek yang secara tidak langsung menjelaskan program dilaksanakan, sekali gus tidak memberi impak optimum diharapkan.

Katanya, hal itu dapat dilihat selepas pihaknya membuat sesi pengauditan membabitkan 10 kementerian.

"Kelemahan itu menjelaskan kecekapan dan keberkesanannya untuk menghasilkan pengeluaran, hasil dan impak seperti diharapkan.

"Dengan kata lain, program, aktiviti, projek tidak memberikan hasil atau impak optimum seperti diharapkan," katanya ketika membentangkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai aktiviti Jabatan, Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2018 Siri 3.

Nik Azman berkata, bilangan aktiviti yang diaudit dan dilaporkan pada LKAN bagi Siri 3 adalah mengikut kementerian.

"Jabatan Perdana Menteri (dua aktiviti), Kementerian Kewangan (dua), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (dua), Kementerian Pendidikan (dua) dan Majlis Keselamatan Negara (dua) bersama kementerian lain.

"Selain itu, masing-masing satu aktiviti membabitkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta Kementerian Kerja Raya," katanya.



Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid bergambar bersama buku Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 3 pada sidang media di Putrajaya.

4. Kali pertama Laporan Ketua Audit Negara diterbitkan tiga siri

PUTRAJAYA: Buat julung kalinya, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) diterbitkan tiga siri bagi tahun 2018 berikutan penambahan bilangan pengauditan yang dilaksanakan pada tahun 2018/2019.

Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid, berkata pada kebiasaannya LKAN hanya dibentangkan dua siri bagi setiap tahun.

"Pada asalnya LKAN Siri 3 ini dijadual untuk dibentangkan dalam Sidang Dewan Rakyat pada Mac lalu, namun disebabkan oleh penangguhan sidang ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana COVID-19, kerja pemuktamadan LKAN bagi siri ini turut terjejas.

"Walaupun terdapat kelewatan dalam pembentangannya di Dewan Rakyat, nilai penemuan audit yang dilaporkan dalam siri ini masih relevan dalam menambah baik pengurusan program dan aktiviti kerajaan serta pengurusan syarikat kerajaan negeri," katanya ketika membentangkan LKAN mengenai aktiviti Jabatan, Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2018 Siri 3.

Nik Azman berkata, bagi LKAN Tahun 2018 Siri 3, terdapat 12 pengauditan prestasi bernilai RM742.476 billion dilaksanakan membabitkan program, aktiviti dan projek di 10 kementerian,

Daripada jumlah berkenaan, 10 pengauditan membabitkan kategori program dan aktiviti, manakala satu pengauditan untuk kategori pembinaan, sistem serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

5. Laporan Audit 2018 Siri 3: 12 pengauditan, 63 syor dikemukakan

PUTRAJAYA: Sebanyak 12 pengauditan prestasi bernilai RM742.476 bilion dilaksanakan sempena Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2018 Siri 3 membabitkan program, aktiviti dan projek di 10 kementerian dengan 63 syor dikemukakan terhadap aktiviti kementerian, jabatan dan badan berkanun Persekutuan bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil.

Jabatan Audit Negara (JAN) sempena LKAN 2018 Siri 3 itu juga sudah menjalankan pengauditan prestasi terhadap 17 program, aktiviti dan projek yang membabitkan 22 jabatan dan agensi kerajaan negeri; serta 13 pengauditan pengurusan syarikat kerajaan negeri, yang membabitkan 12 negeri kecuali Perlis.

Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid dalam kenyataan hari ini berhubung LKAN 2018 Siri 3 itu berkata sebanyak 122 syor telah dikemukakan untuk dipertimbangkan jabatan dan agensi negeri berkenaan untuk membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil.

LKAN 2018 Siri 3 dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini setelah diperkenankan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Nik Azman berkata, pengauditan prestasi dijalankan selaras dengan Seksyen 6 (d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh The International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI).

Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan menilai sama ada aktiviti dan projek kerajaan dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti dan projek tersebut telah tercapai, katanya.

"Ia juga bertujuan menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat nilai terbaik untuk wang," katanya.

Mengenai 12 pengauditan prestasi di kementerian, Nik Azman berkata, sebanyak 10 pengauditan membabitkan kategori program dan aktiviti, manakala masing-masing satu membabitkan kategori pembinaan; dan sistem atau teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Bilangan aktiviti yang diaudit dan dilaporkan pada LKAN kali ini mengikut kementerian adalah Jabatan Perdana Menteri (dua aktiviti), Kementerian Kewangan (dua aktiviti), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (dua aktiviti) serta Kementerian Pendidikan (dua aktiviti).

Di samping itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta Kementerian Kerja Raya masing-masing satu aktiviti dan dua aktiviti melibatkan Majlis Keselamatan Negara (bersama kementerian lain).

Mengulas lanjut, Nik Azman berkata, secara keseluruhannya pelaksanaan program, aktiviti dan projek kerajaan Persekutuan telah dilaksana mengikut objektif yang ditetapkan.

Namun, katanya masih terdapat isu ketidakcekapan dan ketidakakuratan serta kelemahan dalam pengurusan program, aktiviti dan projek yang menjelaskan kecekapan dan keberkesanannya bagi menghasilkan output, outcome dan impak seperti yang diharapkan.

"Dengan kata lain, program, aktiviti atau projek tidak memberikan outcome atau impak yang optimum seperti diharapkan," katanya.

Nik Azman berkata, semua pegawai pengawal dan ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan.

"Exit Conference (mesyuarat penutupan) juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit," katanya.

LKAN Mengenai Aktiviti Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan bagi 2018 Siri 3 dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara selepas pembentangannya di Dewan Rakyat.

Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai hari ini (14 Julai) selepas pukul 10 pagi.

Bagi LKAN peringkat negeri pula yang membabitkan 12 negeri hanya akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara selepas pembentangannya di Dewan Undangan Negeri masing-masing.

Isu-isu dalam LKAN 2018 Siri 3 juga akan dimuat naik di portal Auditor General's Dashboard (AGD) pada hari ini (14 Julai) mulai pukul 3 petang.

LKAN 2018 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 15 Julai 2019 manakala Siri 2 pada 2 Disember 2019.

Nik Azman berkata, LKAN kebiasaannya dibentang sebanyak dua siri sahaja setiap tahun, namun untuk LKAN 2018 Jabatan Audit Negara menerbitkan tiga siri LKAN berikut penambahan bilangan pengauditan yang dilaksanakan pada tahun 2018/2019.

Menurutnya, LKAN 2018 Siri 3 pada asalnya dijadualkan untuk dibentang dalam sidang Dewan Rakyat pada Mac 2020 namun penangguhan sidang Dewan Rakyat dan Perintah Kawalan Pergerakan akibat COVID-19 menyebabkan kerja-kerja memuktamadkan LKAN 2018 Siri 3 turut terjejas.

"Walaupun terdapat kelewatan dalam pembentangannya di Dewan Rakyat, namun nilai penemuan audit dan *lesson learnt* yang dilaporkan dalam LKAN 2018 Siri 3 ini masih relevan dalam menambah baik pengurusan program dan aktiviti kerajaan serta pengurusan syarikat kerajaan negeri," katanya.



Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid pada sidang media sempena Laporan Audit Tahun 2018 di Putrajaya, hari ini.

6. Laporan Audit 2018: Hukuman terhadap kecuaian pegawai terlalu lembut, ringan

PUTRAJAYA: Jabatan Audit Negara berpendapat ada antara hukuman dikenakan jabatan terhadap pegawai dan kakitangan yang terbabit kecuaian, ketidakcekapan dan ketidakakuruan, sebagai terlalu lembut dan ringan.

Bagaimanapun, Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid, berkata pihaknya menghormati keputusan jabatan terbabit kerana ia berkemungkinan berlaku selepas Jawatankuasa Siasatan Dalaman di peringkat yang menyiasat sesuatu kes itu, mengambil kira pelbagai faktor penentuan hukuman.

Beliau berkata, Jabatan Audit Negara hanya membuat audit bagi menentukan ketidakpatuhan saja dan tidak boleh campur tangan terhadap tindakan jabatan.

"Cuma kadang-kadang ada kita berasakan bahawa jabatan agak berlembut yang mana hukuman agak ringan tetapi Jabatan Audit Negara tidak boleh campur tangan kerana kita pun buat audit sahaja, menemukan ketidakpatuhan sahaja.

"Kita rasa ada perkara yang tidak kena dan perlu hukuman yang lebih keras tapi jawatankuasa penyiasatan lakukan siasatan mereka mungkin mengambil faktor lain yang Jabatan Audit Negara tidak tahu.

"Mungkin Jabatan Audit Negara nampak hukuman itu ringan tetapi jabatan mungkin mengambil faktor-faktor tertentu atau faktor mitigasi yang boleh mengurangkan hukuman berkenaan," katanya ketika membentangkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai aktiviti Jabatan, Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2018 Siri 3.

Nik Azman berkata, jabatan itu sentiasa mengadakan audit susulan apabila ada penemuan tertentu dalam agensi yang diaudit.

Memberikan contoh, beliau berkata, jika wujud situasi terlebih bayar ditemui dalam siasatan audit, pihaknya akan membuat susulan lebih mendalam untuk melihat apa dan kenapa ia berlaku serta siapa bertanggungjawab dan yang memberi kelulusan.

Selepas itu mesyuarat akan diadakan dengan polis Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menubuhkan jawatankuasa siasatan dalaman di peringkat jabatan atau kementerian.

Ia bagi melaksana dan mengenal pasti sama ada berlaku kesilapan atau salah guna kuasa atau kecuaian dan tindakan sewajarkan akan dilakukan oleh jawatankuasa terbabit.

Sementara itu, Nik Azman berkata, tindakan susulan sudah diambil terhadap seramai 1,000 pegawai berdasarkan LKAN Tahun 2012 hingga 2018, mengikut laporan yang dikemaskini hingga 5 Mac lalu.

Dari jumlah itu, seramai 255 pegawai sudah dikenakan hukuman, 604 dibebaskan manakala 141 masih dalam prosiding.

Seramai 141 diberikan amaran; 26 individu dikenakan tindakan tangguh pergerakan gaji; 11 individu didenda, 10 diturunkan gaji, sembilan didenda dan diberi amaran.

"Sembilan individu dikenakan tindakan membayar surcaj dan amaran; tujuh diturunkan gaji dan diberikan amaran, tiga dibuang kerja manakala seorang diturunkan pangkat.

"Seramai 29 pegawai dikenakan surcaj; dua dijatuhkan hukuman oleh mahkamah; dua dikenakan denda dan surcaj; seorang dikenakan tindakan turun gaji dan denda serta seorang dikenakan tindakan turun pangkat dan amaran," katanya.



Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid

7. Empat syor utama Laporan Ketua Audit

PUTRAJAYA: Ada empat syor utama yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian, Jabatan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan daripada keseluruhan 63 syor yang dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2018 Siri 3.

Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid, berkata syor pertama ialah pihak terbabit perlu merancang sesuatu projek dan aktiviti dengan terperinci termasuk menyelaras dengan pelbagai kementerian atau agensi.

Syor yang kedua, kita mahu pihak terbabit meningkatkan sistem kawalan dalaman dengan mewujudkan struktur organisasi dan penurunan kuasa yang jelas, aliran kerja yang telus dan akauntabiliti.

Ketiga ialah perlu meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan dan syor keempat pula melaksanakan latihan yang berterusan kepada setiap peringkat penjawat awam.

Nik Azman berkata, pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan menilai sama ada aktiviti dan projek kerajaan dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti dan projek berkenaan dapat dicapai.

"Ia juga bertujuan menilai sejauh mana wang awam dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran," katanya.

Selain membuat audit pada Kerajaan Persekutuan, LKAN turut menjalankan pengauditan prestasi terhadap 17 program, aktiviti dan projek yang membabitkan 22 jabatan dan agensi kerajaan negeri; serta 13 pengauditan pengurusan syarikat kerajaan di 12 negeri kecuali Perlis.

8. LKAN: Dua projek naik taraf bekalan air FELDA lewat siap

KUALA LUMPUR: Pelaksanaan dua projek menaik taraf sistem bekalan air FELDA membabitkan peruntukan RM621 juta daripada kerajaan tidak dibuat secara berhemat, cekap dan berkesan kerana lewat disiapkan dari tarikh asal.

Perkara itu dinyatakan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2018 Siri 3, menerusi pengauditan projek menaik taraf sistem bekalan air di seluruh FELDA di Pahang bagi tempoh 45 bulan mulai Mac 2013 hingga September 2016.

Ia turut membabitkan projek naik taraf sistem bekalan air di seluruh FELDA di seluruh negara bagi tempoh 36 bulan mulai Januari 2016 hingga Disember 2018.

"Kelewatan ini menyebabkan objektif untuk mengurangkan gangguan bekalan air dan kadar air tidak berhasil belum tercapai.

"Sehingga projek siap sepenuhnya, objektif untuk mengurangkan gangguan bekalan air dan air tidak berhasil (NRW) belum menunjukkan pengurangan ketara," katanya.

Setakat Disember 2018, LKAN menyatakan, peratus siap sebenar keseluruhan projek bagi Pahang adalah 99.94 peratus, lewat 0.06 peratus daripada dijadualkan.

Kelewatan itu, katanya, berpunca daripada enam pakej yang belum siap sepenuhnya.

"Bagi projek seluruh negara, peratus siap sebenar adalah 59 peratus berbanding 92 peratus mengikut jadual iaitu kelewatan 33 peratus.

"Kelewatan ini membabitkan 46 pakej yang belum siap dan lapan pakej yang belum ditender iaitu masih dalam proses reka bentuk," katanya.

Sementara itu, semakan Audit mendapati sehingga Disember 2018, 14 pakej bagi projek Pahang disediakan akaun muktamad.

"Dari pada jumlah ini, sebanyak 12 pakej mempunyai kadar levi terlebih nyata dalam kuantiti bil (BQ) berjumlah RM49,860 telah terlebih tuntut oleh kontraktor.

"Kelemahan ini berlaku kerana penyediaan spesifikasi dan dokumen tender oleh perunding pengurusan projek (PMC) tidak dibuat dengan teliti," katanya.

Laporan itu menjelaskan, setiap pakej yang dilaksanakan akan menerima beberapa telefon pintar dan dibekalkan dengan kad prabayar mengikut dokumen kontrak masing-masing untuk memudahkan urusan kerja dilaksanakan.

"Semakan lanjut mendapati 24 telefon pintar bagi 12 pakej telah dibekalkan dengan kos kad prabayar sejumlah RM6,300 setiap bulan mengikut tempoh kontrak.

"Keperluan mendapatkan bekalan telefon pintar bagi setiap pakej melebihi daripada sepautunya. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan butiran pembelian bagi setiap telefon pintar kerana jumlah bayaran yang ditunjukkan dalam lampiran BQ adalah 'lump sum'.

"Bagaimanapun, jumlah keseluruhan bayaran yang dibuat bagi item prabayar bulanan ialah RM69,600," katanya.

Antara syor yang dikemukakan pihak Audit bagi mengatasi kelemahan dan memastikan pelaksanaan projek itu mencapai objektif ditetapkan ialah FELDA perlu melaksanakan kajian awal bagi mengenal pasti lokasi sumber air sesuai bagi pakej 80 projek Pahang, sebagai usaha mengelak risiko kegagalan Loji Rawatan Air berfungsi.

"Selain itu, FELDA hendaklah mewujudkan mekanisme dan melaksanakan penilaian outcome (hasil) supaya peruntukan yang dibelanjakan dapat diukur keberkesanan pencapaianya mengikut objektif ditetapkan.

"FELDA juga perlu menjalankan siasatan dalaman dan mengambil tindakan terhadap pegawai terbabit jika terbukti berlaku kecuaian dalam melaksanakan pembayaran tidak teratur yang menyebabkan kerugian kepada kerajaan.

"Mereka juga perlu mengkaji semula mekanisme pemantauan terhadap projek supaya pentadbiran kontrak dan pengurusan pembinaan yang lebih rapi dan berkesan dapat diwujudkan," katanya.



Penolong Pengarah Audit, Jabatan Audit Negara, Rosliza Razi bersama Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 di Putrajaya

9. Laporan Ketua Audit 2018: Bahan kering di asrama lepas tarikh luput lebih setahun

KUALA LUMPUR: Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2018 Siri 3 mendedahkan sejumlah bahan makanan kering di beberapa sekolah berasrama, sudah melepassi tarikh luput sehingga lebih setahun.

Menurut laporan itu, sebanyak 28 bahan kering di 13 sekolah berasrama didapati tidak mempunyai tarikh luput, atau sudah luput antara satu hingga 427 hari.

"Ini disebabkan tiada pemeriksaan dibuat oleh kontraktor dan Penyelia Asrama terhadap tarikh luput stok bahan dan kaedah pengeluaran stok oleh kontraktor yang tidak menggunakan konsep 'First In First Out' (FIFO).

"Keadaan ini boleh menyebabkan risiko keracunan makanan kepada murid," jelas laporan itu yang diterbitkan hari ini.

Selain itu, laporan itu turut mendedahkan bahan kering di 30 daripada 42 sekolah yang diaudit, tidak mempunyai logo halal yang diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), atau langsung tidak memiliki logo halal.

Perkara itu bertentangan dengan Pekeliling Persijilan Halal Malaysia Bil 2 Tahun 2014 - Pelaksanaan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga) 2014 dikeluarkan JAKIM, yang menetapkan Logo Halal Malaysia perlu dicetak atau ditampal dengan terang pada setiap produk, serta menepati spesifikasi yang ditetapkan.

"Hal ini disebabkan kurang kepekaan pihak sekolah dan kontraktor dalam memastikan setiap bahan kering mempunyai logo halal yang diiktiraf JAKIM.

"Penggunaan logo halal penting bagi memastikan produk berkenaan adalah selamat, bersih dan suci," jelas laporan itu.

Dalam maklum balasnya kepada Jabatan Audit Negara, Kementerian Pendidikan memaklumkan sebanyak 12 lawatan pematuhan ke Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) membabitkan 284 premis sudah dilakukan.

Selain itu, kementerian juga sudah mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada 42 sekolah pada hujung September tahun lalu atas ketidakpatuhan kontrak, selain surat peringatan kepada JKN berhubung pematuhan pengurusan kontrak.

Bagaimanapun, laporan audit menegaskan ketidakpatuhan syarat kontrak dalam pelaksanaan program Bekalan Makanan Bermasak (BMB) berpunca daripada kelemahan pemantauan di peringkat kementerian, JPN, sekolah serta Penyelia Asrama.

"Keadaan ini juga memberi kesan pada kualiti dan nutrisi makanan yang diterima murid di asrama," jelas laporan itu.

Sehubungan itu, LKAN mencadangkan kementerian mengadakan pemantauan berkala terhadap pengurusan asrama supaya lebih cekap dalam memantau pelaksanaan perkhidmatan BMB.

"(Pemantauan itu) supaya kuantiti, kualiti, spesifikasi makanan yang sepatutnya, kebersihan, keselamatan dan perkhidmatan pekerja perlu ditekankan.

"Penyeliaan dan penguatkuasaan juga perlu ditingkatkan oleh Kementerian Pendidikan, JPN/Bahagian dan sekolah bagi memastikan syarat kontrak dipatuhi sepenuhnya oleh kontraktor dan mengambil tindakan tegas pada kontraktor yang gagal mematuhi syarat kontrak," katanya.



10. SPRM pantau syarikat terjejas COVID-19 mungkin beri rasuah dapatkan projek

PUTRAJAYA: Syarikat terjejas pandemik COVID-19 sehingga mungkin memilih memberi rasuah untuk mendapatkan projek, diingatkan bahawa tindakan mereka sentiasa dipantau dan tindakan tegas akan diambil mengikut Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Pindaan 2018).

Pindaan itu yang berkuat kuasa 1 Jun lalu, memperuntukkan tanggungjawab korporat yang ketat terhadap organisasi komersial atas kegagalan mencegah rasuah.

Pengarah Siasatan SPRM, Norazlan Mohd Razali, berkata walaupun trend rasuah sedemikian masih tidak kelihatan, pihaknya sedang memantau jika ada mana-mana syarikat yang melakukan kesalahan berkenaan.

"Menurut penganalisis, dalam tempoh pandemik COVID-19 situasi ini akan berlaku, berikutan tekanan yang dihadapi semua pihak khususnya syarikat, namun ketika ini ia masih tidak dilihat SPRM," katanya hari ini.



Datuk Norazlan Mohd Razali

Mengikut peruntukan Seksyen 17A, pegawai tertinggi syarikat termasuk Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) antara individu yang bakal diambil tindakan oleh SPRM sekiranya syarikat mereka terbabit dalam aktiviti rasuah.

"Sebagai pegawai tertinggi syarikat yang mengawal mengawal syarikat, mereka seharusnya mencegah sebarang gejala atau aktiviti yang memungkinkan perbuatan rasuah yang menjadi liabiliti kepada syarikat.

"Individu yang menguruskan dan mengawal syarikat akan turut dikenakan tindakan mengikut peruntukan sedia ada walaupun pekerja atau kakitangan mereka disyaki terbabit melakukan rasuah," katanya.

Setakat ini, SPRM belum membuka sebarang kertas siasatan di bawah Seksyen 17A.

Katanya, terdapat banyak laporan dan aduan yang diperoleh SPRM berdasarkan peruntukan terbaru itu namun siasatan tidak boleh dilaksanakan sekiranya kesalahan itu berlangsung sebelum tarikh 1 Jun.

"Kita memang ada terima aduan dan maklumat dalam masa terdekat ini tetapi berdasarkan peruntukan seksyen ini, kesalahan ini tidak boleh 'retrospective' (kebelakang) iaitu kesalahan yang dilakukan sebelum 1 Jun," katanya.

Katanya, sejak pengumuman pelaksanaan Seksyen 17A, banyak syarikat swasta dan korporat yang mempertingkatkan tatacara dalam pengurusan syarikat supaya lebih telus dan bebas rasuah.



Menteri Kanan (Ekonomi), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

11. Projek bernilai RM97b berpotensi masuk ke Malaysia

KUALA LUMPUR: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) mengenal pasti 433 projek baharu berpotensi dengan nilai RM97.4 bilion untuk melabur di Malaysia.

Menteri Kanan (Ekonomi), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata projek berimpak tinggi berkenaan dijangka memberikan kesan langsung kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu berkata, ia jelas menunjukkan keyakinan pelabur antarabangsa terhadap Malaysia sebagai destinasi pelaburan.

"Kita telah mengenal pasti 433 projek baharu yang mempunyai potensi untuk membawa pelaburan mereka di Malaysia dengan nilai sebanyak RM97.4 bilion.

"Ini dalam proses rundingan antara Malaysia melalui MIDA bagi memastikan pelaburan yang berimpak tinggi ini dapat datang ke negara kita.

"Dalam keadaan pertembungan perang dagang antara Amerika Syarikat dan China, beberapa usaha telah dilakukan untuk relocate (menempatkan semula) operasi mereka ke rantau ini khususnya ke Malaysia," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim (BN-Baling) pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Mengenai keyakinan pelabur terhadap Malaysia pasca-COVID-19, Mohamed Azmin berkata, agensi antarabangsa mengunjurkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia melonjak pada kadar 6.3 peratus hingga 7.5 peratus pada 2021.

Katanya unjuran itu dibuat oleh pakar ekonomi dan badan kewangan antarabangsa.

"Kerajaan mengambil maklum pengumuman Bank Negara bahawa pertumbuhan ekonomi negara tahun ini memang lembab di antara negatif dua hingga 0.5 peratus.

"Ketika ini kita di tahap pemulihan dan angka yang diumumkan Bank Negara itu memang satu angka yang dijangkakan kerana daripada 195 negara dunia, 150 negara mengalami kelembapan pertumbuhan ekonomi.

"Bagaimanapun, pakar ekonomi termasuk badan antarabangsa baru-baru ini termasuk Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Dunia dan Standard and Poor telah mengemukakan laporan yang terbaharu bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia pada 2021 dijangkakan pada 6.3 peratus hingga 7.5 peratus," katanya.



Skandal 1MDB mencetuskan siasatan global ke atas rasuah dan penggubahan wang -

12. Dana AS\$340 juta PetroSaudi berkait 1MDB dibekukan

KUALA LUMPUR: Malaysia memberikan arahan interim untuk menghalang dana berjumlah AS\$340 juta (RM1.45 bilion) yang dikaitkan dengan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dipindahkan daripada akaun PetroSaudi International di United Kingdom (UK).

Hakim menetapkan 28 Ogos ini sebagai perbicaraan seterusnya tuntutan perampasan yang difailkan oleh kerajaan terhadap PetroSaudi dan pengaruhnya, Tarek Obaid.

Tarek sebelum ini dikenakan tuduhan konspirasi jenayah bersama bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan secara tidak sah menerima AS\$300 juta daripada 1MDB.

"Ini adalah langkah pertama, untuk membekukan akaun, langkah berikutnya adalah membawa pulang wang," kata peguam kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nizamuddin Hamid.

Wang itu dipindahkan kepada satu akaun escrow yang dipegang oleh Clyde & Co. LLP di London dan SPM akan menghantar satu permintaan bantuan undang-undang bersama kepada pihak berkuasa UK bagi membekukan akaun berkenaan, katanya dalam satu kenyataan.

Skandal 1MDB mencetuskan siasatan global ke atas rasuah dan penggubahan wang, dengan pendakwaraya menganggarkan kira-kira AS\$4.5 bilion disedut keluar daripada dana pelaburan kerajaan itu.

Selepas Najib disingkirkan pada 2018, kerajaan membuka semula siasatan dan berusaha mendapatkan berbilion dolar yang hilang daripada 1MDB.

Kerajaan sudah membawa balik AS\$600 juta dengan bantuan pihak berkuasa Amerika Syarikat (AS) dan memperoleh jutaan dolar lagi dengan bantuan Singapura.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berjanji untuk terus membanteras rasuah dan bekerjasama dengan pihak berkuasa seluruh dunia bagi membawa pulang dana terbabit, meskipun kerajaan berdepan kritikan kerana menggugurkan satu tuduhan lain berkaitan 1MDB ke atas anak tiri Najib.



Saksi pendakwaan, bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1Malaysia Development Bhd (1MDB), Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi hadir hadir pada perbicaraan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Jalan Duta

13. Peguam dakwa ada plot seleleweng duit 1MDB tanpa pengetahuan Najib

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi hari ini diberitahu, satu mesyuarat diadakan di luar negara bagi merancang satu pelan yang dirangka ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low untuk menyeleweng wang milik 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Peguam Wan Aizuddin Wan Mohammed yang menyatakan bahas bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, berkata rancangan itu menggunakan bantuan firma pelaburan Goldman Sachs tanpa pengetahuan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, dan Lembaga Pengarah 1MDB.

Wan Aizuddin seterusnya mencadangkan kepada Shahrol Azral bahawa bagi tujuan itu, saksi dan pegawai Goldman Sachs ditugaskan untuk memastikan bahawa syarikat dilantik sebagai penasihat kewangan dalam pengambilalihan sebuah syarikat tenaga.

Katanya, mesyuarat itu dihadiri bekas pegawai Goldman Sachs iaitu Tim Leissner dan Roger Ng; bekas Ketua Pegawai Kewangan 1MDB, Terrence Geh; peguam 1MDB, Jasmine Loo dan Shahrol Azral.

Bagaimanapun, saksi pendakwaan kesembilan itu menafikan pernah menghadiri mesyuarat dengan semua individu berkenaan.

Katanya, beliau hanya bertemu Jho Low di luar negara iaitu di Abu Dhabi ketika perlumbaan kereta Formula 1 dan di Beijing pada tahun 2015.

Wan Aizuddin turut mencadangkan bahawa saksi secara aktif menyokong cadangan Goldman Sachs dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk mengambil alih syarikat pengendali jana kuasa tenaga, Tanjong Energy Holdings Sdn Bhd pada harga lebih tinggi.

Shahrol Azral juga menafikan cadangan peguam bahawa beliau bersetuju menyertai rancangan menyeleweng duit 1MDB itu kerana dijanjikan rasuah dan habuan daripada Jho Low.

Pada soalan lain oleh peguam, Shahrol Azral berkata beliau lebih percaya kepada Jho Low daripada pihak istana sendiri yang membangkitkan mengenai keraguan terhadap ahli perniagaan itu dalam satu mesyuarat yang dihadirinya.

Wan Aizuddin menimbulkan persoalan itu ketika merujuk saksi kepada Minit Mesyuarat 1MDB ketika syarikat pelaburan negara itu masih dikenali sebagai Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA).

Melalui Minit Mesyuarat itu, peguam berkata wakil istana melahirkan kebimbangan bahawa Jho Low akan menyalahgunakan nama istana.

Wan Aizuddin: Pada peringkat ini, walaupun anda percaya Jho Low bertindak atas kepentingan syarikat, adakah ia tidak menimbulkan rasa sangsi?

Shahrol Azral: Jho Low beritahu saya isu ini akan timbul, jadi saya tidak tidak rasa sangsi pada waktu itu.

Wan Aizuddin: Secara jujurnya saya rasa ini memang sukar dipercayai. Kamu berurusan dengan istana tapi masih lagi memilih Jho Low?

Shahrol Azral: Ya

Apabila diasak lagi oleh Wan Aizuddin mengenai persoalan sama, saksi itu mengulangi pendirian bahawa Jho Low bertindak dengan niat baik dan menafikan bersekongkol dengan lelaki itu untuk menipu wang 1MDB.

Dalam prosiding semalam, Shahrol Azral mengesahkan bahawa Jho Low mencadangkan supaya Goldman Sachs bertindak sebagai penasihat kewangan bagi tawaran pengambil alihan Tanjong Energy oleh 1MDB.

Saksi itu mengakui bahawa Lembaga Pengarah 1MDB tidak dimaklumkan bahawa harga pengambilalihan Tanjong Energy dikurangkan sebanyak RM2.1 bilion, yang bermakna 1MDB hanya perlu membayar RM8.5 bilion.

Katanya, Lembaga Pengarah 1MDB hanya dimaklumkan bahawa harga perolehan adalah sehingga RM10.6 bilion atau berkemungkinan lagi rendah.

14. Siasatan ePerolehan: 9 direman termasuk 5 penjawat awam

PUTRAJAYA: Sembilan individu, termasuk lima kakitangan Kementerian Kewangan direman enam hari bagi membantu siasatan kes menguruskan pendaftaran akaun ePerolehan tanpa mengikut prosedur.

Majistret Shah Wira Abdul Halim membenarkan permohonan reman terhadap mereka termasuk tiga penjawat awam wanita, bermula hari ini hingga Rabu ini.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat kes berkenaan mengikut Seksyen 16 (a) (B) Akta SPRM 2009.

Suspek lima wanita dan empat lelaki berusia antara 30 hingga 47 tahun yang memakai pakaian lokap SPRM dibawa ke Mahkamah Putrajaya, menaiki kenderaan agensi itu pada jam 9 pagi tadi.

Sementara itu, satu sumber mendedahkan suspek kesembilan yang juga orang awam ditahan SPRM sekitar jam 12 tengah malam tadi kerana disyaki turut terbabit dalam sindiket pendaftaran ePerolehan itu.

Suspek difahamkan antara 'runner' yang ditahan bagi memudahkan urusan sindiket berkenaan.

BH semalam melaporkan SPRM menahan lima kakitangan Kementerian Kewangan untuk siasatan kes menguruskan pendaftaran akaun ePerolehan tanpa mengikut syarat ditetapkan.

Turut ditahan tiga orang awam yang disyaki bersekongkol dalam aktiviti itu sejak 2017 dan mereka dikatakan sudah mengaut hasil ratusan ribu ringgit dari pelbagai syarikat, termasuk yang dipercayai bukan milik Bumiputera.

Mereka yang terbabit menawarkan khidmat mempercepat dan memudahkan permohonan pendaftaran akaun ePerolehan bersama status Bumiputera untuk syarikat di sekitar Lembah Klang.

Sumber memberitahu, mereka yang ditahan di tempat berasingan sekitar ibu negara dan Putrajaya mengenakan bayaran antara RM500 hingga RM3,500 bagi setiap permohonan untuk mempercepat proses pendaftaran ePerolehan.

Akaun ePerolehan ialah sistem perolehan elektronik yang membolehkan pembekal menawarkan produk dan perkhidmatan kepada kerajaan secara dalam talian. Ia juga pilihan untuk pembekal mendaftar dan memperbaharui Sijil MoF.



Lima kakitangan Kementerian Kewangan dan tiga orang awam diiringi pegawai SPRM ditahan reman di Mahkamah Majistret Putrajaya pagi ini

15. Bekas pegawai kebudayaan dituduh terima suapan RM149,600

IPOH: Seorang bekas penjawat awam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini terhadap tiga pertuduhan menerima suapan berjumlah RM149,600.

Tertuduh, Herman Ibrahim, 45, bekas Pegawai Kebudayaan Kumpulan Selendang Perak, di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dituduh melakukan kesalahan itu di tempat dan waktu berbeza ketika bertugas sebagai ejen kepada Sekretariat Sukma XIX Perak 2018.

Bagi pertuduhan pertama, dia didakwa menerima wang berjumlah RM7,500 sebagai balasan daripada pemilik syarikat Pro Explore Event Management, Mohd Zulkhibri Abdul Mutalib di Public Bank Berhad, Jalan Sultan Idris Shah, di sini, pada 15 November 2018.

Bagi pertuduhan kedua pula, Herman didakwa menerima wang berjumlah RM 68,600 dengan tiada balasan daripada Raja Khairy Ehsan Raja Norddin melalui pemindahan wang ke dalam akaun pihak ketiga iaitu Syarikat Ohana Services, untuk pembekalan bagi penubuhan syarikat dobi Eh Matrix Resources, milik bapa mentuanya, Bustanudin Bustamam, di cawangan Bank Rakyat, Medan Gopeng, Jalan Raja Dr Nazrin Shah, di sini, pada 14 Februari 2018.

Pertuduhan ketiga pula, dia didakwa menerima wang tunai berjumlah RM73,500 dengan tiada balasan daripada pemilik Syarikat Rainhousemusic, Raja Khairy Ehsan melalui pihak ketiga iaitu Maarof Ahmad, di perkarangan Stadium Perak, di sini, pada 18 Februari 2019.

Herman dituduh mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Wahida Jalaluddin meminta mahkamah mengenakan wang jaminan sebanyak RM15,000 bagi setiap pertuduhan berserta syarat tambahan melaporkan diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Perak, sebulan sekali.

Bagaimanapun, peguam Khairilazwar Khalil yang mewakili tertuduh memohon jaminan dikurangkan kepada RM3,000 bagi setiap pertuduhan kerana dia masih menanggung tiga orang anaknya yang berumur antara 11 hingga 18 tahun.

"Tertuduh sudah diberhentikan kerja sejak tahun lalu setelah berkhidmat selama 24 tahun di Pejabat Kebudayaan Setiausaha Kerajaan negeri Perak," katanya.

Hakim, S Indra Nehru, membenarkan tertuduh diikat jamin RM21,000 bagi kesemua pertuduhan berserta syarat tambahan melaporkan diri di pejabat SPRM berdekatan kediamannya, sebulan sekali.



Herman (memakai topi) diiringi anggota polis di Mahkamah Sesyen Ipoh, hari ini.



Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman.

16. Amaran KP Perkhidmatan Awam

KUALA LUMPUR: Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman memberi amaran tindakan tegas dan serius akan diambil terhadap pegawai kerajaan yang didapati melakukan salah laku atau kecuaian.

Tindakan tegas itu, katanya, bukan setakat amaran, denda, lucut hak emolumen, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat dan dibuang kerja seperti termaktub dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam, tetapi juga boleh dikenakan pertuduhan jenayah di mahkamah.

Merujuk teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang berpendapat ada hukuman dikenakan jabatan terhadap pegawai dan kakitangan awam yang cuai, tidak cekap dan tidak akur sebagai terlalu lembut dan ringan, beliau berkata, teguran itu dipandang serius oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Mohd Khairul Adib mengingatkan setiap ketua jabatan supaya mengambil tindakan tegas terhadap sebarang kesalahan dilakukan penjawat awam berdasarkan peraturan sedia ada serta merit kesalahan yang dilakukan.

"Ketua jabatan harus memainkan peranan dengan mengambil tindakan tegas dan segera terhadap penjawat awam apabila terdapat teguran dan ketidakakuruan di agensi masing-masing seperti dilaporkan pihak audit.

"Ini penting kerana kerajaan amat memandang serius isu ketirisan hasil negara, termasuk disebabkan oleh kesalahan atau kecuaian dilakukan penjawat awam, selain komited untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, berintegriti dan proaktif," katanya kepada BH.

Pada 14 Julai lalu, Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid pada sidang media mengenai LKAN Tahun 2018 Siri 3, dilaporkan berkata, pihaknya berpendapat ada antara hukuman yang dikenakan terhadap penjawat awam yang melakukan kesalahan, sepatutnya lebih keras.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya menghormati keputusan jabatan terbabit kerana ia mungkin berlaku selepas Jawatankuasa Siasatan Dalaman pada peringkat yang menyiasat, mengambil kira pelbagai faktor penentuan hukuman.

"Cuma kadang-kadang ada kita berasakan bahawa jabatan agak berlembut yang mana hukuman agak ringan tetapi Jabatan Audit Negara tidak boleh campur tangan kerana kita pun buat audit, menemukan ketidakpatuhan sahaja," kata Nik Azman seperti dipetik media.

Mohd Khairul Adib menjelaskan, dalam mengambil tindakan, setiap ketua jabatan perlu mematuhi tatacara pengurusan tatatertib selaras Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 termasuk bagi kes tindakan susulan LKAN.

Katanya, tindakan hendaklah berdasarkan tujuh jenis hukuman tatatertib seperti termaktub dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam, iaitu amaran, denda, lucut hak emolumen, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat dan dibuang kerja.

"Pegawai boleh dikenakan tindakan tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 12 bulan hingga 48 bulan. Bagi tindakan buang kerja, ia bukan setakat salah laku dalam aspek kewangan atau salah guna kuasa, tetapi juga isu disiplin seperti tidak hadir bertugas," katanya.

Mohd Khairul Adib juga mahu unit audit dalaman pada peringkat kementerian dan jabatan memainkan peranan memberi teguran tegas terhadap sebarang ketidakakuruan prosedur ketika proses pengurusan kewangan, pembangunan dan perolehan.

"Amat penting untuk unit audit dalaman memantau dan menangani sebarang salah laku pada peringkat awal membabitkan pelaksanaan sesuatu aktiviti dan projek sebelum perkara itu menjadi lebih serius.

"Selepas itu, ketua jabatan di setiap kementerian atau agensi hendaklah mengambil tindakan tegas dan segera terhadap teguran serta ketidakakuruan yang dilaporkan oleh pihak audit dalaman," katanya.

Beliau menegaskan, penjawat awam yang terbabit dengan salah laku dan dikenakan hukuman tatatertib hanya sebahagian kecil iaitu 0.02 peratus atau 255 pegawai daripada jumlah keseluruhan yang ada.

Bagaimanapun, katanya, JPA tidak memandang mereka yang dikenakan hukuman tatatertib dari sudut angka kerana kesalahan yang dilakukan, wajib ditangani dengan tindakan sewajarnya.

"Setiap teguran LKAN dipandang serius dan diambil tindakan susulan sewajarnya dengan usaha penambahbaikan secara berterusan juga dilakukan untuk mengelak teguran berulang pada masa hadapan," katanya.

JPA, katanya, bertanggungjawab menggubal dasar dan peraturan tatatertib bagi perkhidmatan awam yang ditambahbaik dari semasa ke semasa, namun jenis hukuman sedia ada setakat ini dilihat memadai.

Beliau menjelaskan, bagi setiap teguran punitif iaitu membabitkan kes penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, salah laku dan kecuaian, JPA akan menubuhkan jawatankuasa siasatan bagi memperoleh keterangan dari aspek kesaksian dan pembabitan pegawai awam dalam kes dilaporkan.

Katanya, sekiranya wujud asas kukuh bahawa pegawai terbabit melakukan salah laku atau cuai, tindakan tatatertib akan diambil mengikut budi bicara pihak berkuasa tatatertib berdasarkan merit kes atau boleh dikenakan pertuduhan jenayah di mahkamah.

"Bagi pegawai yang disyorkan jawatankuasa siasatan untuk dimulakan prosiding tatatertib, kes akan dikemukakan kepada pihak berkuasa tatatertib jabatan masing-masing. Setiap pegawai diberi peluang membela diri dan diadili berdasarkan merit kes.

"JPA menghormati budi bicara pihak berkuasa tatatertib dalam menentukan hukuman tatatertib ke atas pegawai terbabit. Ingin ditegaskan, hukuman tatatertib boleh menjelaskan kemajuan kerjaya pegawai di samping memberi kesan terhadap gaji dan faedah lain.

"Pegawai juga masih boleh disabitkan kesalahan sivil atau jenayah di mahkamah bagi kes penyelewengan, salah guna kuasa, salah laku dan kecuaian," katanya.

Mohd Khairul Adib berkata, JPA sudah menyediakan garis panduan dari segi pelaksanaan prosedur dan peraturan penentuan bentuk hukuman, namun pelaksanaannya secara khusus bergantung kepada kesesuaian merit kes pada peringkat pihak berkuasa tatatertib jabatan masing-masing.

Mengenai langkah meningkatkan kecekapan dan integriti penjawat awam, beliau berkata, antara inisiatif diambil ialah pemantapan program pembangunan kompetensi dan nilai integriti, pusingan kerja tiga hingga lima tahun pegawai menjawat jawatan sensitif serta Ikrar Bebas Rasuah.



Mahkamah Tinggi menetapkan 7 Ogos ini bagi keputusan permohonan Najib untuk membatalkan tuduhan pindaan Laporan Audit 1MDB.

17. 1MDB: Najib mesti buktikan tuduhan menindas

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi hari ini diberitahu, Datuk Seri Najib Razak mesti membuktikan bahawa tuduhan meminda Laporan Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dihadapinya adalah satu penindasan bagi membolehkan beliau membatalkan tuduhan itu.

Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram dalam hujahannya, berkata Najib bukan saja mesti membuktikan pendakwaan itu adalah menindas, malah ia juga satu penindasan yang teruk ke atas beliau.

Bagi membuktikan perkara itu, mahkamah perlu melihat kepada fakta dalam setiap kes sama ada ia membawa kepada penyalahgunaan proses mahkamah.

"Kami menyatakan bahawa ujian elemen menindas yang sangat tinggi dan elemen penyalahgunaan tidak berjaya dibuktikan oleh pemohon (Najib) untuk membatalkan tuduhan itu.

"Setakat yang diketahui, belum ada kes seumpamanya yang berjaya membuktikan elemen 'menindas' ini di mahkamah. Selain itu, kes kami pula bukan setakat bergantung kepada keterangan oleh saksi dalam perbicaraan setakat ini, malah ada lagi saksi lain yang akan dipanggil bagi membuktikan wujudnya habuan yang diterima tertuduh," katanya.



Najib hadir di mahkamah bagi mendengar permohonan membatalkan pertuduhan pinda Laporan Audit 1MDB di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Sri Ram berkata, Najib juga tidak boleh menggunakan peruntukan Seksyen 173(g) Kanun Acara Jenayah (KAJ) dalam permohonan membatalkan tuduhan itu kerana peruntukan berkenaan hanya membabitkan prosedur yang dijalankan oleh Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen, bukannya di Mahkamah Tinggi.

Sementara itu, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah berhujah, Mahkamah Tinggi boleh melalui bidang kuasanya dengan menggunakan budi bicara untuk membenarkan permohonan anak guamnya mengikut Seksyen 175 KAJ.

Tuduhan pindaan yang dikenakan ke atas Najib adalah mengelirukan terutamanya melalui penggunaan perkataan dalam tuduhan.

Keterangan yang diberikan oleh saksi penting pendakwaan tidak menyokong fakta yang dikemukakan dalam tuduhan.

"Tuduhan juga tidak mendedahkan sebarang kesalahan mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di mana ia gagal menyatakan tindakan salah oleh tertuduh berpunca daripada penyalahgunaan yang disengajakan iaitu elemen asas bagi kesalahan."

"Kami turut menghujahkan bahawa tuduhan itu adalah tidak berasas," katanya.



Selepas mendengar hujahan kedua-dua belah pihak, Hakim Mohamed Zaini Mazlan menetapkan pada 7 Ogos ini bagi keputusan.

Najib, 67, didakwa menggunakan kedudukannya untuk mengarahkan pindaan dilakukan terhadap laporan akhir audit 1MDB sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) untuk mengelakkan sebarang tindakan diambil terhadapnya.

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Arul Kanda pula didakwa bersubahat dengan Najib dalam membuat pindaan ke atas laporan itu, untuk melindungi Najib daripada dikenakan tindakan.

18. SPRM gagal lucut hak wang RM100,000 Kasitah Gaddam

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi hari ini menolak permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk melucut hak wang RM100,000 daripada bekas Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gadam.

Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Ahmad Shahrir Mohd Salleh membuat keputusan itu selepas mendapati SPRM yang diwakili Pendakwa Raya tidak berjaya membuktikan melalui imbanginan kebarangkalian bahawa wang berkenaan adalah daripada hasil aktiviti haram.

Dalam penghakimannya, Ahmad Shahrir berkata, tidak dipertikaikan bahawa Kasitah (responden) menerima wang berkenaan melalui cek AmIslamic Bank Berhad, bertarikh 2 Disember 2012 yang dikeluarkan daripada akaun Datuk Seri Najib Razak.

Hakim itu berkata, wang dalam akaun berkenaan adalah hasil daripada kesalahan mengikut Seksyen 23(1) Akta SPRM berkaitan keputusan dan tindakan urusan pelaburan serta perniagaan 1MDB.

Beliau berkata, sehubungan itu akaun berkenaan (milik Najib) mengandungi wang hasil aktiviti haram mengikut Seksyen 3 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001.

Katanya, cek yang diterima Kasitah berasal daripada akaun Najib yang dimasukkan ke dalam akaun CIMB Bank Berhad di cawangan Ranau, Sabah.

"Tan Sri Kasitah menyatakan bahawa wang yang disita dalam akaun beliau itu bukan wang RM100,000 yang diterima daripada Najib tetapi wang pencen beliau dan deposit lain.

"Saya dapati melalui imbanginan kebarangkalian bahawa pemohon (Pendakwa Raya tidak mengemukakan bukti mencukupi untuk menunjukkan wang di dalam akaun bank responden sebenarnya hasil aktiviti haram, di mana kemungkinan besar pada pandangan saya baki wang dalam akaun termasuk RM100,000 itu adalah pembayaran pencen.

"Responden menerima jumlah wang RM100,000 daripada Najib pada 2 Disember 2012 dan apabila akaun responden dibekukan pada 25 Jun 2018, iaitu lebih enam tahun dan empat bulan kemudian, terdapat banyak transaksi keluar berlaku daripada akaun itu.

"Pemohon hanya menunjukkan penerimaan wang itu tetapi tidak mengambil langkah penting bagi menunjukkan wang berasal daripada akaun Najib adalah hasil daripada aktiviti haram dan ia disita daripada akaun responden," katanya.

Ahmad Shahrir berkata, mahkamah sehubungan itu menolak permohonan Pendakwa Raya selepas mendapati melalui imbanginan kebarangkalian bahawa pemohon tidak berjaya membuktikan mengikut Seksyen 56

AMLATPUAA bagi mendapatkan perintah supaya wang dalam akaun itu dilucut hak.

Selepas keputusan itu, Timbalan Pendakwa Raya, Maziah Mohaide memberitahu mahkamah bahawa pihaknya akan memfailkan penangguhan pelaksanaan keputusan berkenaan.

Dalam prosiding terbabit, Kasitah diwakili peguam Sasila Basri dan Shamilah Ab Wahab.

Bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya, dalam satu sidang media tahun lalu, berkata pihaknya memfailkan permohonan untuk melucut hak harta terhadap 41 responden bagi memperoleh semula dana kira-kira RM270 juta yang mempunyai kaitan dengan 1MDB.

Tindakan undang-undang itu diambil mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLA) di mana SPRM percaya wang berkenaan dipindahkan daripada akaun bank Najib.

Sementara itu, Kasitah ketika ditemui pemberita selepas prosiding, berkata beliau lega dengan keputusan itu kerana ternyata wang itu miliknya.



Kasitah hadir di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur bagi mendengar keputusannya kesnya, hari ini.



19. Dua lagi ditahan kes tipu tuntutan pampasan PERKESO

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua individu kerana disyaki terbabit kes pemalsuan dokumen bagi mendapatkan pampasan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Suspek masing-masing berusia 50 dan 58 tahun itu ditahan ketika hadir untuk memberi keterangan di pejabat SPRM Putrajaya, dekat sini, kira-kira jam 2 petang tadi.

Sumber berkata, kedua-dua individu terbabit dipercayai menjadi ejen kepada sindiket pemalsuan laporan perubatan orang berinsurans (OB) bagi membolehkan pampasan bayaran ke atas permohonan tuntutan yang dibuat.

"Pemalsuan dokumen membabitkan kes hilang upaya sementara, hilang upaya kekal dan pencen ilat kepada PERKESO dengan nilai pampasan lebih RM100,000.

"Ini adalah kes ketiga dalam tempoh kira-kira tiga minggu membabitkan enam tangkapan keseluruhan berhubung sindiket penipuan pampasan PERKESO," katanya kepada BH, hari ini.

Sementara itu, Pengarah SPRM Putrajaya, Hasbilah Mohamad Salleh, ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek berkenaan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

20. Kerajaan komited teruskan usaha dapatkan semula aset 1MDB - Muhyiddin

KUALA LUMPUR: Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata kerajaan komited untuk meneruskan usaha mendapatkan semula aset-aset lain berkaitan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dan meneruskan tuntutan terhadap individu dan pihak yang berkaitan dengan skandal penyelewengan dana syarikat pelaburan strategik itu.

Perdana Menteri berkata beliau menyambut baik pengumuman penyelesaian bernilai RM16.6 bilion yang dicapai antara kerajaan dan bank pelaburan global, Goldman Sachs bagi tuntutan berhubung salah laku serta penyelewengan dana 1MDB.

Muhyiddin berkata, dengan penyelesaian itu, dana 1MDB yang akan dikembalikan kepada Malaysia secara keseluruhannya berjumlah RM19 bilion, termasuk yang dipulangkan oleh Jabatan Keadilan (DOJ) Amerika Syarikat (AS) sebelum ini.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional dan pasukan perunding atas usaha mereka mencapai penyelesaian ini.

"Ini adalah satu kejayaan dalam usaha mengembalikan hak dan harta rakyat Malaysia," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz hari ini dilaporkan berkata, Goldman Sachs bersetuju membayar AS\$3.9 bilion (RM16.6 bilion) bagi penyelesaian caj dan tuntutan tertunggak berkaitan dengan tiga urus niaga bon membabitkan 1MDB.

Beliau berkata, jumlah penyelesaian dan wang yang sudah diterima oleh Malaysia daripada DoJ AS lebih daripada AS\$4.5 bilion (RM19.14 bilion) akan dikembalikan kepada kerajaan.

Jelasnya, Goldman Sachs, atas biayanya sendiri, juga akan membantu kerajaan dalam melantik pakar pemulihan aset untuk mendapatkan kembali aset lain yang kini berada di luar Malaysia.



21. 1MDB: Goldman Sachs setuju bayar AS\$3.9 bilion

KUALA LUMPUR: Goldman Sachs, bank pelaburan global, bersetuju membayar AS\$3.9 bilion (RM16.6 bilion) bagi penyelesaian caj dan tuntutan tertunggak berkaitan dengan tiga urus niaga bon membabitkan skandal 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz, berkata, jumlah penyelesaian dan wang yang telah diterima oleh Malaysia dari Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) lebih dari AS\$4.5 bilion (RM19.14 bilion) akan dikembalikan kepada kerajaan.

Beliau berkata, kerajaan terus komited untuk mendapatkan semula aset lain yang masih belum dikembalikan.

"Penyelesaian ini merangkumi pembayaran tunai AS\$2.5 bilion (RM10.63 bilion) dan jaminan untuk pengembalian penuh berjumlah sekurang-kurangnya AS\$1.4 bilion (RM5.95 bilion) dari segi aset yang berkait dengan hasil yang telah diseleweng melalui tiga urus niaga bon berkenaan," katanya.

Tengku Zafrul berkata, Goldman Sachs, atas biayanya sendiri, juga akan membantu kerajaan dalam melantik pakar pemulihan aset untuk mendapatkan kembali aset lain yang kini berada di luar Malaysia.

Jumlah penyelesaian ini adalah satu peningkatan yang ketara jika dibandingkan dengan tawaran sebelumnya sebanyak AS\$1.75 bilion (RM7.44 bilion) yang dibuat oleh Goldman Sachs kepada kerajaan pada 2019.

"Penyelesaian ini mewakili aset yang menjadi hak Malaysia. Kami yakin persetujuan ini telah berjaya mencapai jumlah pengembalian aset yang jauh lebih banyak daripada Goldman Sachs berbanding nilai yang ditawarkan terdahulu yang jauh di bawah jangkaan."

"Kerajaan bersyukur dapat menyelesaikan hal ini di luar sistem pengadilan, yang akan menelan banyak waktu dan sumber kewangan.

"Dengan penyelesaian ini, kita dapat mempercepatkan pengembalian aset, tanpa melalui proses pengadilan yang tentunya mahal dan rumit," katanya.

Penyelesaian Goldman Sachs ini juga adalah satu pengakuan salah laku oleh dua bekas pegawainya di dalam skim penipuan dan rasuah 1MDB.

Tengku Zafrul berkata, penyelesaian ini juga tidak akan menjaskankan tuntutan Malaysia terhadap Low Taek Jho atau Jho Low dan individu lain yang berkaitan dengan skandal 1MDB.

Difahamkan delegasi bank pelaburan Amerika Syarikat (AS), Goldman Sach sudah berada di sini sejak akhir minggu lalu untuk berunding dengan kerajaan mengenai penyelesaian terbabit.

Sumber yang rapat dengan perkara itu berkata, rundingan itu diketuai oleh Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun mewakili Malaysia manakala Goldman Sachs diketuai sendiri oleh Pengurus dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, David Solomon.

Rundingan sebelum ini dihentikan sementara selama empat bulan disebabkan penularan pandemik COVID-19 serta perintah kawalan yang dikenakan kerajaan.

Wakil rundingan dari Malaysia turut disertai oleh pegawai kanan Kementerian Kewangan (MOF).

Sebelum ini dilaporkan Malaysia berusaha mendapatkan semula AS\$2.7 bilion yang didakwa disalahgunakan daripada tiga terbitan bon 1MDB berjumlah AS\$6.5 bilion.

Kerajaan juga menuntut pengembalian wang berjumlah AS\$600 juta yang dijadikan sebagai bayaran yuran oleh Goldman Sachs.

Pendengaran kes yang membabitkan tiga anak syarikat Goldman Sachs itu ditangguhkan ketika Malaysia mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac.

Kes itu dipindahkan ke Mahkamah Tinggi pada Februari, sejak pertuduhan jenayah pertama kali diumumkan pada Disember 2018.



Bekas Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, keluar dari ibu pejabat SPRM, Putrajaya, hari ini, selepas memberi keterangan berhubung projek terowong dasar laut di Pulau Pinang

22. Guan Eng selesai beri keterangan lebih 8 jam di SPRM

PUTRAJAYA: Bekas Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, selesai memberi keterangan lebih lapan jam kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), hari ini, berhubung projek terowong dasar laut di Pulau Pinang.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan, dilihat meninggalkan ibu pejabat SPRM, di sini, kira-kira jam 7 malam tadi dengan ditemani peguamnya, RSN Rayer.

Kedua-duanya terus memasuki kenderaan menunggu di pekarangan bangunan SPRM tanpa menjawab soalan diajukan wartawan yang menunggu sejak pagi tadi.

Terdahulu, Guan Eng dilihat tiba pekarangan ibu pejabat SPRM pada jam 10.42 pagi tadi.

Ia adalah kehadiran kali ketiga beliau untuk memberi keterangan bagi membantu siasatan berhubung projek bernilai kira-kira RM6.3 bilion itu.



Bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hadir bagi perbicaraan kes rasuah dan pengubahan wang haram berkaitan dana RM2.3 bilion milik 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

23. Dana SRC RM27j: Bicara kes Najib bermula 5 Julai 2021

KUALA LUMPUR: Perbicaraan kes bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berhubung tiga pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan RM27 juta dana SRC International Sdn Bhd (SRC) akan bermula 5 Julai tahun depan.

Hakim Mahkamah Tinggi Mohamed Zaini Mazlan menetapkan perbicaraan pada Julai iaitu 5 hingga 8; 12 hingga 15 dan 26 hingga 29 Julai selepas pengurusan kes hari ini.

Mahkamah juga menetapkan 11 Ogos untuk pengurusan kes selanjutnya.

Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Akram Gharib bertindak bagi pihak pendakwaan manakala peguam Nur Syahirah Hanapiyah mewakili Najib, 67.

Pada 3 Februari 2019, Najib mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan pengubahan wang haram berjumlah RM27 juta, yang digunakan untuk aktiviti tidak mengikut undang-undang, dalam tiga akaun AmPrivate Banking milik beliau.

Ahli Parlimen Pekan itu dituduh melakukan kesalahan tersebut di AmIslamic Bank Berhad, Bangunan Ambank Group, Jalan Raja Chulan, pada 8 Julai 2014.

Pertuduhan mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001, yang membawa hukuman denda maksimum RM5 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Beliau sebelum ini didakwa di Mahkamah Sesyen tetapi kes itu dipindahkan ke Mahkamah Tinggi pada 13 Mac 2019 selepas pihak pendakwaan membuat permohonan.

Najib juga dibicarakan atas tiga pertuduhan pecah amanah jenayah, tiga pertuduhan pengubahan wang haram dan satu pertuduhan menyalahgunakan kedudukan membabitkan dana SRC RM42 juta dan kes itu ditetapkan untuk keputusan esok di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Mohd Nazlan Mohd Ghazali.



24. LANGSUNG: Keputusan kes SRC Najib Razak

BEKAS Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berdepan tiga pertuduhan pecah amanah, tiga pertuduhan pengubahan wang haram dan satu pertuduhan salah guna kuasa berhubung dana SRC International.

Najib didakwa mendapatkan suapan RM42 juta apabila terbabit dalam keputusan bagi pihak kerajaan, dalam memberikan jaminan terhadap pinjaman berjumlah RM4 bilion daripada Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan kepada SRC International.

Dia turut didakwa menerima RM42 juta hasil aktiviti haram yang didepositkan ke dalam akaun peribadinya.

Sabit kesalahan, Najib boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mana yang lebih tinggi mengikut Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta yang sama.



25. Penentuan nasib Najib Razak pagi ini

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi hari ini akan memutuskan di akhir pembelaan, sama ada Datuk Seri Najib Razak bersalah atau dibebaskan daripada tujuh tuduhan rasuah dan pengubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd yang dihadapinya.

Pasukan pendakwaan dan pembelaan bermula 1 Jun lalu mengemukakan hujahan masing-masing di akhir kes pembelaan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Mohd Nazlan Mohd Ghazali, sebelum ia menetapkan tarikh bagi keputusan.

Timbalan Pendakwa Raya Kanan, Datuk V Sithambaram, pada prosiding itu berhujah, antaranya Najib mengetahui lebih RM42 juta wang milik SRC International dalam tiga akaunnya dan menggunakan wang berkenaan bagi manfaat sendiri.

Beliau berkata, koordinasi antara ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low dan bekas Ketua Setiausaha Sulit Najib, Allahyarham Datuk Azlin Alias bagi pihak tertuduh dan antara Jho Low serta Najib bagi memastikan dana mencukupi untuk pengeluaran cek.

Sementara itu, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib berhujah, Najib tidak menyebabkan pemindahan dana daripada syarikat SRC International ke dalam dua syarikat lain sebelum dipindah masuk ke dalam akaun beliau.

Katanya, keterangan Nik Faisal kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menunjukkan bekas eksekutif kanan itu menafikan Najib mengetahui wang berasal daripada SRC.

HUJAHAN PENDAKWAAN

- # Koordinasi antara Jho Low dan bekas Ketua Setiausaha Sulit Najib, Allahyarham Datuk Azlin Alias bagi pihak tertuduh dan antara Jho Low serta Najib bagi memastikan dana mencukupi untuk pengeluaran cek.
- # Najib bukan tertuduh biasa, usahanya untuk menunjukkan kurang pengetahuan mengenai akaun berjuta-juta, rekaan semata-mata dan perlu ditolak
- # Tindakan Najib tidak pernah melihat penyata banknya selama lima tahun sebagai sesuatu yang 'menarik'.
- # Peranan Jho Low memastikan penyata bank Najib dirahsiakan kerana transaksi menunjukkan pengetahuan tertuduh terhadap wang dalam akaun.
- # Isu kesahihan tandatangan Najib hanya dibangkitkan ketika bicara peringkat pembelaan, tidak dicabar pada kes pendakwaan.
- # Tidak masuk akal tertuduh mengaku dia ragu dengan tandatangannya pada dokumen yang dipersoalkan hanya selepas dimaklumkan dokumen asal tidak dikemukakan ketika bicara.
- # Bagi tuduhan pengubahan wang haram, Najib gagal mendapatkan penjelasan sumber wang masuk ke dalam akaunnya.
- # Najib tidak boleh mengarahkan orang lain memastikan dana sentiasa ada dalam akaun untuk dibelanjakan tanpa mengambil berat mengenai sumbernya.

HUJAHAN PEMBELAAN

- # Rumit mengemukakan pembelaan kerana kedudukan Najib yang tinggi di kalangan masyarakat dan prejudis awam terhadap kes
- # Najib mangsa penipuan salah perwakilan oleh Low Taek Jho atau Jho Low; bekas Ketua Pegawai Eksekutif SRC Nik Faisal Ariff Kamil dan pegawai bank yang tidak jujur serta pengurusan kanan SRC
- # Pembelaan membuktikan bekas Pengarah Bukan Eksekutif SRC, Datuk Suboh Md Yassin menafikan ia adalah tandatangan beliau pada dokumen yang kemudian memindahkan dana daripada SRC kepada Ihsan Perdana Sdn Bhd dan Putra Perdana Construction Sdn Bhd.
- # Ia adalah kegagalan nyata dalam membuktikan pemilikan mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan (tuduhan pecah amanah jenayah).
- # Pembelaan membuktikan elemen objektif jenayah melampaui sebarang keraguan, bahawa SRC dalam keadaan huru-hara mengenai siapa yang menandatangi dokumen pemindahan wang itu.



Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak

26. Baca penghakiman lebih dua jam

KUALA LUMPUR: Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali, mengambil masa lebih dua jam untuk membacakan penghakiman kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan dana SRC International Sdn Bhd yang dihadapi Datuk Seri Najib Razak.

Melalui penghakimannya, Mohd Nazlan mensabitkan Najib dengan semua tujuh tuduhan dan memerintahkan bekas Perdana Menteri itu dipenjarakan selama 12 tahun dan didenda berjumlah RM210 juta.

Berikut adalah antara petikan penghakiman Mohd Nazlan:

*Hujahan bahawa tertuduh tidak menubuhkan SRC

Dalam penilaian saya, walaupun perkara itu terdapat dalam Rancangan Malaysia Ke-10, dorongan bagi cadangan untuk benar-benar memulakan apa yang disertakan dalam rancangan berkenaan datangnya daripada seseorang yang berkaitan dengan 1MDB, bukan kerajaan.

Sangat jelas bahawa idea atau cadangan itu bukannya daripada beberapa agensi kerajaan atau kementerian. Hanya surat 1MDB ditujukan kepada Perdana Menteri.

Kerana itu, Timbalan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Kamariah Noruddin (kini bekas) dalam keterangannya berkata EPU menganggap permintaan daripada SRC International harus ditangani dengan serius. Yang mana ia berjaya dan EPU menyokong penubuhan SRC, seperti yang saya sebutkan.

Sebelumnya telah dibuktikan melalui keterangan bahawa tertuduh memiliki kepentingan peribadi dalam SRC, suatu penemuan yang belum disangkal oleh pihak pembelaan. Bagaimanapun,

pembabitan tertuduh dalam penubuhan SRC hanyalah satu aspek daripada fakta kes jika dibandingkan dengan keseluruhan bukti dikemukakan terhadap tertuduh.

Walaupun tertuduh tidak bertanggungjawab secara tunggal dalam penubuhan SRC, perkara yang lebih penting ialah bahawa persetujuan penubuhan SRC oleh tertuduh memberikan titik tolak sebenar bagi pembabitan beliau dalam syarikat itu.

*Tindakan selepas pengeluaran pembiayaan daripada Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP)

Tidak ada bukti menunjukkan tertuduh prihatin dengan penggunaan dana dipinjamkan kepada SRC oleh KWAP, baik dari segi fakta wang itu diperoleh dari dana pencehancuran negara, yang juga sebahagian dana awam serta apakah usaha untuk mempromosikan inisiatif strategi tenaga nasional boleh dicapai dalam masa terdekat.

Kekurangan tindakan tertuduh untuk mendapatkan kembali dana yang dinyatakan dibekukan oleh Kerajaan Switzerland atas dakwaan pengubahan wang haram, sangat membingungkan dan ia lebih konsisten dengan tingkah laku seseorang yang tidak mahu masalah itu diselesaikan kerana pembabitan diri sendiri dalam hal menyalahi undang-undang iaitu pemindahan dana sejak dari awal lagi.

Ia adalah seperti dibuktikan dalam risalah pemegang saham Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) walaupun dakwaan tertuduh bahawa Minit Mesyuarat itu tidak asli.

Jelas pada akhir 2015 bahawa SRC menghadapi masalah kewangan. Tertuduh menyokong usaha pinjaman jangka pendek tetapi tidak memanggil pengarah SRC untuk memberikan penjelasan kepadanya walaupun beliau Penasihat Emeritus dan Perdana Menteri (ketika itu) yang mempunyai kuasa besar bawah Memorandum dan Artikel Persatuan syarikat, termasuk mencalonkan Ahli Lembaga Pengarah.

Tertuduh juga tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa RM4 bilion itu sudah hilang, dengan menegaskan bahawa fakta itu belum dibuktikan.

Tertuduh sendiri tidak memberikan bukti untuk menunjukkan bahawa beliau mengambil langkah untuk memastikan apa sebenarnya yang berlaku kepada dana itu.

Selain itu, tertuduh tidak dapat memberikan jawapan jelas sama ada beliau berpuas hati dengan kemajuan SRC selepas pengeluaran dana pertama sebanyak RM2 bilion sebelum bersetuju untuk menyokong pinjaman kedua bernilai RM2 bilion.

Tertuduh mendakwa beliau memang bertanya dan diberitahu bahawa wang itu sudah disisihkan untuk keperluan pelaburan segera, tetapi tidak bertanya sama ada pinjaman itu tetap dalam bentuk tunai.

Menurut tertuduh, ia perlu diawasi oleh lembaga pengarah.

Selanjutnya, tertuduh juga tidak setuju bahawa ada kewajipan untuk mengemas kini status pembayaran pinjaman pertama yang dijamin oleh kerajaan ketika cadangan bagi jaminan kerajaan kedua dibentangkan di Kabinet.

Sekali lagi, saya sukar memahami apabila sumber pembiayaannya adalah dana penceh dan jumlah terbabit sangat besar dengan cara apa pun.

*Pembelaan tertuduh atas kepercayaannya yang jujur terhadap wang sumbangan Arab

Semua jalan menuju ke Rome, dalam kes ini, mereka menuju ke Riyadh, atau begitulah nampaknya.

Banyak hujahan tertuduh berkaitan dengan inti pati pembelaan, iaitu kepercayaan dan pengetahuannya mengenai akaunnya dan operasi membabitkan sumbangan derma dari Arab Saudi.

Saya sebelum ini menyebut, hujahan bahawa tertuduh tidak mengetahui mengenai pengeluaran wang sebanyak RM42 juta itu bukan hanya bergantung pada dakwaannya tidak terbabit dalam pengurusan akaunnya sendiri dan ketiadaan pengetahuan mengenai baki, tetapi juga sangat penting bergantung pada kepercayaannya mengenai wang sumbangan Arab.

Ini kemudian menimbulkan pertanyaan apakah kepercayaan dan pengetahuannya yang mendakwa bahawa kiriman wang asing berasal daripada Raja Abdullah adalah asli atau dibuat-buat.

Pihak pembelaan menyatakan bahawa keadaan dan peristiwa yang ditunjukkan oleh bukti menyokong kesimpulan tertuduh yang memiliki kepercayaan yang munasabah bahawa dana dalam akaunnya pada 2014 dan 2015, yang juga tempoh penting bagi tuduhan pecah amanah dan tuduhan pengubahan wang haram, adalah lanjutan derma Arab Saudi yang diberitahu oleh Jho Low yang dikeluarkan, dan dicerminkan melalui surat sumbangan derma keempat.

27. Perbualan Sri Ram dan Apandi tidak mengaitkan Tommy - Pendakwa Raya

Dari kiri: Tan Sri Tommy Thomas, Tan Sri Mohamed Apandi Ali dan Datuk Seri Gopal Sri Ram

KUALA LUMPUR: Perbualan melalui aplikasi WhatsApp di antara Timbalan Pendakwa Raya Kanan Datuk Seri Gopal Sri Ram dan bekas Peguam Negara Tan Sri Mohamed Apandi Ali, langsung tidak mengaitkan nama Tan Sri Tommy Thomas, demikian ditegaskan Pendakwa Raya.

Perbualan itu adalah berhubung dakwaan bahawa Sri Ram menasihati Mohamed Apandi yang ketika itu Peguam Negara untuk menahan dan mendakwa Datuk Seri Najib Razak berkaitan kes skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Peguam Kanan Persekutuan Shamsul Bolhassan dalam hujahan, berkata nama Tommy tidak dikaitkan sama sekali dalam perbualan WhatsApp itu atau dalam afidavit sokongan diikrarkan Mohamed Apandi bagi permohonan semakan kehakiman Najib dan peguamnya, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah bagi membatalkan kelayakan Sri Ram daripada mengetuai kes 1MDB dihadapi mereka.

Shamsul berkata, permohonan Najib juga tidak menyatakan bahawa Tommy mengetahui kandungan perbualan itu apabila membuat keputusan melantik Sri Ram sebagai Timbalan Pendakwa Raya Kanan.

Katanya, pemohon (Najib) mengakui bahawa perbualan berkenaan yang didedahkan dalam afidavit tambahannya berlaku sebelum Tommy dilantik sebagai Peguam Negara dan Sri Ram dilantik sebagai Timbalan Pendakwa Raya Kanan.

"Dalam keadaan ini, kami mempersoalkan bagaimana perbualan WhatsApp itu mempunyai kaitan dalam menentukan tiga isu sama ada pelantikan Sri Ram dilakukan mengikut peruntukan yang betul?

"Isu itu adalah sama ada Seksyen 376(3) dibaca dengan peruntukan berkaitan membenarkan Peguam Negara selaku Pendakwa Raya untuk melantik Timbalan Pendakwa Raya ad-hoc yang pada masa sama menjadi seorang peguam.

"Isu kedua adalah sama ada kuasa Pendakwa Raya untuk melantik peguam yang masih beramal tertakluk kepada Seksyen 377 dan 379 Kanun Acara Jenayah dan ketiga, sama ada Pendakwa Raya (Peguam Negara) melangkaui kuasanya melalui pelantikan itu," katanya.

Sementara itu, Muhammad Shafee berhujah, pelantikan Sri Ram dibuat mengikut Seksyen 376(3) Kanun Acara Jenayah, di mana mengikut peruntukan umum itu Tommy tidak boleh menyatakan bahawa sesiapa pun boleh dilantik sebagai timbalan pendakwa raya termasuk jurutera dan akauntan.

Beliau berkata, mengikut peruntukan itu pelantikan Timbalan Pendakwa Raya mestilah dalam kalangan individu yang sesuai dan berkelayakan.

Katanya, pelantikan Tommy sebagai Peguam Negara adalah satu pelantikan politik yang tidak boleh bersikap adil, menyebabkan beliau meletak jawatan, di mana ia berbeza dengan tindakan Mohamed Apandi yang kekal sehingga diberhentikan yang menunjukkan kelakuan wajar dan betul seorang penjawat awam.

"Apatah lagi dengan Sri Ram apabila salah laku beliau didedahkan (dalam afidavit) di mana beliau juga tidak boleh bertindak dengan tidak berat sebelah.

"Dengan itu kami menyatakan bahawa pelantikan Sri Ram adalah batal, tidak sah dan Tommy salah dalam menjalankan fungsinya...oleh itu pelantikan ini hendaklah dibatalkan," katanya.

Selepas mendengar hujahan kedua-dua belah pihak, Hakim Datuk Seri Mariana Yahya menetapkan pada 28 Ogos ini bagi keputusan.

28. 1MDB: Bekas pegawai Bank Swiss didapati bersalah

GENEVA: Seorang bekas pegawai bank Coutts & Co didapati bersalah gagal memberi amaran masalah pengubahan wang haram berkaitan pemindahan AS\$700 juta (RM2.9 bilion) ke dalam akaun dikendalikan Low Taek Jho, lebih dikenali sebagai Jho Low, yang didakwa dalang di belakang skandal 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Lelaki itu, yang hanya dikenali sebagai "A", didenda 50,000 Swiss francs (RM232,636) oleh Mahkamah Jenayah Persekutuan Switzerland dalam keputusan hari ini.

"Terdapat banyak petunjuk bahawa terdapat petanda serius mengenai pengubahan wang haram, yang meningkat seiring perjalanan waktu," kata mahkamah dalam satu kenyataan.

"Walaupun mengetahui adanya kecurigaan ini, A "tidak memaklumkan" kepada pegawai pengawal selia "sehingga dia meninggalkan bank itu."

Skandal 1MDB yang sudah satu dekad, yang menyebabkan kejatuhan mantan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak, kembali menjadi tajuk utama minggu lalu.

Najib didapati bersalah kerana menyalahgunakan kuasa dan pengubahan wang haram, manakala Goldman Sachs Group Inc mengadakan perjanjian AS\$3.9 bilion (RM16.5 bilion) dengan Malaysia untuk menyelesaikan siasatan terhadap peranan bank Amerika Syarikat (AS) dalam satu skim untuk membelanjakan dana pelaburan 1MDB.

Skandal itu sangat mengejutkan kerana keberanian Jho Low, seorang ahli kewangan yang tidak begitu dikenali mengumpul dana AS\$8 bilion (RM33.9 bilion) yang bertujuan untuk membangunkan ekonomi Malaysia, dan pihak berkuasa mendakwa dia kemudian mencuri dana terbabit untuk membiayai perbelanjaan mewah untuk pesta, kereta sport, hartanah mewah, dan hasil seni yang tidak ternilai.

Jho Low menubuhkan syarikat yang berdaftar di Seychelles, Good Star, pada bulan Mei 2009 dan membuka akaun di Coutts cawangan Singapura kurang dari sebulan kemudian.

Menjelang bulan September tahun itu, Jho Low memohon untuk menghentikan semua komunikasi dengan Coutts di Singapura dan memohon untuk menerima kemas kini hanya dari unit Coutts Swiss ke alamat gmail yang telah dibuatnya: Chairman.goodstar@gmail.com.

Walaupun permohonan itu tidak ortodoks, A meluluskan permintaan Jho Low untuk memindahkan AS\$700 juta (RM2.9 bilion) dari 1MDB ke satu akaun atas nama Good Star.

Dalam e-mel pada 2 Oktober 2009, dia menulis "usaha wajar setakat ini adalah bagus dan kami mempunyai bukti yang mencukupi bahawa pembayaran itu benar dan sah".

Peguam A, Monika Roth, gagal dihubungi untuk memberi komen mengenai keputusan terbabit.

Coutts & Co dijual oleh Royal Bank of Scotland Group plc pada tahun 2016 kepada Union Bancaire Privee.

Ia didenda AS\$6.5 juta (RM27.5 juta) pada tahun 2017 kerana membenarkan aset bernilai AS\$2.4 bilion (RM10.2 bilion) yang berkaitan dengan dana pembangunan Malaysia mengalir melalui akaunnya di beberapa bank Switzerland.

Jho Low, ahli perniagaan dalam buruan kini didakwa berada di Macau, tetapi pihak berkuasa di sana hari ini menolak dakwaan oleh polis Malaysia itu.

Malaysia menuntut penangkapannya selepas mengeluarkan tuduhan baru terhadapnya pada Februari.